

# PENGGUNAAN KAEDAH *'PASS THE MARKER!'* DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SUBJEK EKONOMI

Fadli Fizari Abu Hassan Asari<sup>1</sup> dan Azlina Mat Saad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Malaysia.  
[fizari754@yahoo.com](mailto:fizari754@yahoo.com)

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Malaysia.  
[linasaad139@yahoo.com](mailto:linasaad139@yahoo.com)

## ABSTRAK

Subjek-subjek ekonomi kaya dengan pelbagai jenis gambarajah dan persamaan. Justeru, lakaran graf dan penyelesaian persamaan adalah kemahiran-kemahiran asas yang perlu dikuasai para pelajar. Bagaimanapun, kaedah pengajaran yang terlalu menggunakan slaid, adakalanya menyekat perkembangan kemahiran-kemahiran asas ini. Justeru kaedah *'Pass the Marker!'* telah diperkenalkan oleh penulis. Kaedah seakan *'Chalk and Talk'* ini digunakan bersama konsep-konsep lain seperti Ekono'Cinta' Metrik, Ekono'Cinta' dan Ekono'Raya'. Ianya didapati berjaya memberikan pemahaman yang kukuh selain mengurangkan kadar kegagalan subjek secara drastik. Selain itu kaedah ini berjaya membantu para pelajar memenangi pingat di pertandingan inovasi. Juga, tugas kelas para pelajar berjaya diangkat sebagai kertas kerja di persidangan antarabangsa. Kesemuanya bermula dengan kaedah *'Pass the Marker!'* ini.

**Katakunci:** *Chalk and Talk, Ekonomi, Pengajaran, Pembelajaran*

## 1.0 PENGENALAN

Ekonomi merupakan subjek yang dipenuhi teori. Teori ini seterusnya dihuraikan dengan pelbagai jenis persamaan dan gambarajah. Ini menyebabkan ekonomi kelihatan sebagai satu subjek yang kompleks dan sukar difahami. Jika ekonomi hadir sebagai satu subjek elektif, ianya sama ada menjadi pilihan terakhir kepada seseorang pelajar atau dilepaskan begitu sahaja dan digantikan dengan subjek yang lain (Peng-Armao, 2014). Bagaimanapun, kesukaran ini masih sesuatu yang subjektif ukurannya. Bagi Backhouse (2012) sebagai contoh, subjek ekonomi bukanlah terlalu sukar. Ianya boleh dimudahkan dengan menggunakan pelbagai logik dan perkara seharian di sekeliling kita. Lebih banyak contoh diaplikasikan, lebih mudah untuk sesuatu topik diterangkan. D'Amato (2017) pula ada pandangan berbeza bila mana bersetuju yang ekonomi adalah subjek sukar dan setaraf dengan fizik dan kimia, yang merupakan asas kepada bidang sains. Jika fizik dan kimia mempunyai makmal masing-masing, ekonomi juga punyai makmalnya sendiri, iaitu dunia nyata. Polisi-polisi seperti monetari dan fiskal pula merupakan peralatan makmal yang digunakan pada masa yang bersesuaian.

Ini meresahkan tenaga pengajar ekonomi di universiti mahu pun di sekolah. Apakah pendekatan terbaik yang diperlukan bagi memudahkan kesukaran ini. Jika, tidak terlalu sukar, apakah pula contoh terbaik yang mampu digunakan dalam menerangkannya. Kompleksiti ini semakin mendapat tumpuan seluruh dunia untuk diperbincangkan. Sebagai contoh, Royal Economic Society, sebuah persatuan ekonomi tertua di dunia menjadikan *"Changing How We Teach Economic"* sebagai salah satu tema konferensi tahunan mereka. Justeru, sama seperti subjek-subjek yang lain, alat bantu mengajar (ABM) digunakan bagi mengatasi masalah ini. Alatan yang digunakan dalam skala meluas adalah *PowerPoint*. Medium ini sedikit sebanyak membantu dengan mempamerkan kepelbagaian gambarajah dan persamaan yang dihalakan ke skrin. Ianya juga dapat menjimatkan masa pengajaran dan pembelajaran (P&P), serta mempamerkan lebih banyak contoh dengan pantas.

## 1.1 PERNYATAAN MASALAH

Dalam masa yang sama, pendekatan *PowerPoint* ini lebih bersifat sehalu iaitu dari pensyarah ke pelajar. Harus diingat yang proses pengajaran adalah seiring dengan proses pembelajaran. Pelajar juga perlu terlibat secara aktif dan langsung dalam setiap topik yang diajarkan. Mereka perlu lebih dirangsang agar terus fokus sepanjang kelas dan bertanyakan lebih banyak soalan dalam meningkatkan pemahaman. Penggunaan *PowerPoint* yang terlalu banyak juga dikhuatiri mampu menjejaskan psikomotor pelajar, diantaranya penggunaan tangan. Dilema ini mungkin hampir sama dengan dilema *blue screen*, di mana penggunaan skrin yang keterlaluan mengurangkan keupayaan psikomotor kanak-kanak. Ekonomi adalah subjek yang memerlukan banyak lakaran gambarajah dan persamaan.

## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menghasilkan proses P&P yang efisien dan efektif bagi mana-mana subjek ekonomi, kesepaduan di antara otak, mata dan tangan diperlukan dalam proses lakaran dan penulisan. Justeru, kaedah yang lebih interaktif dan dua hala dikenali sebagai '*Pass the Marker!*' dicadangkan. Kertas kerja ini bertujuan menerangkan tentang inspirasi, metodologi, aplikasi dan kejayaan di sebalik kaedah ini. Dalam masa yang sama mengesyorkan agar kaedah ini dipertimbangkan untuk digunapakai bagi subjek-subjek yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti ekonomi; punyai banyak teori, diagram dan persamaan.

## 1.3 INSPIRASI

Kaedah ini diinspirasikan dari Dr. Jomo Kwame Sundram, mantan profesor di Fakulti Ekonomi Pentadbiran, Universiti Malaya. Penulis mengikuti kelas sarjana beliau dan kagum dengan kemampuan beliau menyampaikan kuliah secara terus selama satu setengah ke dua jam, hanya bertemankan *marker*. Di sepanjang syarahan beliau, para pelajar bebas untuk bertanyakan soalan mahupun berkongsi pendapat. Meskipun tidak menggunakan sebarang alat bantu mengajar, kesemua kandungan subjek berjaya disampaikan dengan cemerlang dan berjaya difahami para pelajar. Dalam masa yang sama, penulis juga banyak dipengaruhi unsur-unsur pendidik gigih yang dipamerkan dalam drama bersiri Jepun, *Great Teacher Onizuka* (GTO). Kesungguhan seorang guru yang bernama Keiji Onizuka dalam membantu menyelesaikan masalah murid-murid dan sekolahnya, membuktikan dunia akademik bukanlah dunia yang statik. Pensyarah sendiri perlu mencari ruang dan peluang dalam memperbaiki kelemahan diri dari pelbagai aspek. Yang pasti, P&P merupakan di antara aspek terpenting, memandangkan ianya punca utama sesebuah universiti ditubuhkan.

## 2.0 METODOLOGI

Kaedah ini merupakan seakan-akan '*Chalk and Talk*'. Dalam kaedah '*Chalk and Talk*', guru menggunakan kapur dan pengajaran lebih kepada bermonolog. Ini sekali lagi merupakan ulangan kepada proses pengajaran yang sehalu dan pembelajaran yang pasif. '*Pass the Marker!*', adalah penambahbaikan kepada kaedah ini dengan memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dua hala yang aktif dan berterusan. Ini meliputi pra-syarat, keperluan, modus operandi dan kaedah berkaitan.

### 2.1 Pra-syarat:

- i) Pensyarah  
Berpengetahuan dalam sesuatu bidang. Telah mempunyai persiapan rapi sebelum memasuki kelas. Mengurangkan kebergantungan kepada bahan-bahan bacaan, ketika berada di dalam kelas.
- ii) Pelajar (perempuan)  
Tidak dibenarkan memakai kosmetik, sebelum dan semasa kelas. Ini bagi membina keyakinan dalaman mereka supaya lebih yakin ketika berada dalam sesi P&P.


- iii) Pelajar (lelaki)  
Tidak dibenarkan merokok, sebelum dan semasa kelas. Ini bagi mengurangkan ketagihan nikotin dan keracunan asap rokok. Juga bagi meningkat penggunaan oksigen dalam badan.
- iv) Pengharaman telefon / gajet  
Pensyarah dan para pelajar dilarang sama sekali menggunakan telefon / gajet semasa kelas. Jika ada keperluan mendesak, perlu keluar kelas supaya tidak mengganggu sesi P&P.

## 2.2 Keperluan:

- i) Marker  
*Marker* hitam/biru bagi tujuan penulisan/pelakaran. *Marker* merah bagi tujuan pembetulan. Setiap warna memerlukan sekitar 2-3 unit.
- ii) Papan putih  
Kelengkapan standard dalam kelas masa kini. Lebih banyak papan putih tersedia, lebih banyak ruang untuk kaedah ini dijalankan.

## 2.3 Modus Operandi:


- i) Sebatang *marker* diserahkan kepada pelajar pertama secara rawak. Pelajar akan diminta sama ada untuk melakukan lakaran ataupun menulis persamaan/nota yang berkaitan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.
- ii) Pelajar pertama seterusnya menyerahkan kepada pelajar kedua secara rawak bagi proses yang sama. Boleh melangkaui jantina dan kelas lain (jika ada kumpulan yang digabungkan) seperti dikongsikan dalam Rajah 2.
- iii) Jika kesemua pelajar telah mengambil giliran, pusingan yang kedua akan dijalankan, sehinggalah sesi P&P pada hari berkenaan tamat.
- iv) Jika berlaku sebarang kesilapan penulisan atau pelakaran, pelajar yang sama menerima *marker* akan membetulkan kesilapan tersebut dengan segera.
- v) Kesilapan yang berlaku akan di'bahan'kan oleh pelajar-pelajar lain. Ini bukan bertujuan memalukan mereka, tetapi untuk mengelakkan mereka dari melakukan kesalahan yang sama di masa hadapan. Juga untuk membina ketahanan dalaman dari sekarang supaya lebih kental ketika menempuh alam pekerjaan nanti.
- vi) Pelajar terakhir yang menerima marker bertanggungjawab untuk memadamkan papan putih dan menutup semua bekalan elektrik selepas tamat kelas, seperti yang tertera pada Rajah 3.



Rajah 1: Pelajar menulis salah satu persamaan dari subjek *Sport Economics*



Rajah 2: Pelajar menyerahkan *marker* secara rawak kepada rakan sekelas



Rajah 3: Pelajar terakhir perlu memadam papan putih dan menutup bekalan elektrik

#### 2.4 Konsep berkaitan:

Bagi memudahkan lagi 'Pass the Marker!' ini, konsep-konsep lain yang melibatkan perkara sehari-hari dan dekat di hati para pelajar, diaplikasikan ke dalam bidang ekonomi. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi pemahaman di kalangan pelajar dan memudahkan proses pengajaran.

i) *Ekono 'Cinta' Metrik*

Ekonometrik merupakan subjek tersukar di bidang ekonomi. Hanya diminati kerana keputusan analisisnya, dan bukan kaedah pemprosesan datanya (Frain, 1995). Seakan-akan subjek *research methodology* bagi subjek selain ekonomi. Bagaimanapun, matlamat akhir subjek Ekonometrik adalah pelajar berupaya menghasilkan penyelidikan mereka sendiri. Bermula dari pemilihan topik, penyaringan data, penganalisaan data sehinggalah kepada penulisan laporan penuh. Justeru, bagi memudahkan subjek ini, sebanyak lapan langkah utama

telah dikenalpasti. Lapan langkah ini seterusnya dikaitkan dengan konsep cinta, bersesuaian dengan umur para pelajar yang sedang dilamun cinta. Maklumat lengkap berkaitan kaedah ini boleh dirujuk dari Asari (2017).

ii) *Ekono 'Cinta'*

Kaedah ini pula digunakan kepada subjek-subjek ekonomi yang bersifat mikro. Sebagai contoh mikroekonomi. Ini kerana subjek ini mengkaji manusia sebagai agen ekonomi yang rasional. Memandangkan ianya mengkaji manusia, maka cinta adalah konsep yang sangat sesuai untuk digunakan. Sebagai contoh, dalam menerangkan tiga konsep asas ekonomi; pilihan, kekurangan dan kos melepas, konsep satu wanita dengan dua teman lelaki adalah contoh yang terbaik. Ianya lebih mudah diingati untuk tempoh masa yang lama dan juga boleh difahami dalam hanya 5 minit! Lebih-lebih lagi apabila pelajar perempuan yang berkongsi nama kekasih mereka. Untuk rujukan, artikel dari Asari & Saad (2018) memperhalusi kaedah ini.

iii) *Ekono 'Raya'*

Perayaan merupakan sesuatu yang dekat di hati rakyat Malaysia. Bagi pelajar UiTM yang majoritinya berbangsa Melayu dan beragama Islam, hari raya boleh diaplikasikan sebagai contoh yang mudah. Antara topik yang relevan adalah keanjalan, yang merupakan antara topik tersukar bagi subjek mikroekonomi. Bagaimanapun, semua ini lebih mudah bila dikaitkan konsep ini dengan permintaan tiket bas pada malam raya. Kurang sensitif kepada harga tiket bas pada malam raya misalnya, mencerminkan kurangnya keanjalan kepada komoditi berkenaan. Meski pun operator bas terus menaikkan harga tiket, permintaan terhadap tiket masih ada memandangkan hari raya, terutama Aidil Fitri hanya sekali setahun dan perlu dirayakan bersama keluarga tersayang.

### 3.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

#### 3.1 Aplikasi

Kaedah ini digunapakai penulis sejak tahun 2009. Secara umumnya, ia sesuai bagi subjek-subjek berpopulasi sehingga sehingga 50 orang pelajar dan bersifat dalam darjah (classroom) seperti di UiTM. Ini kerana jumlah pelajar yang sedikit dan keluasan kelas yang kecil memudahkan pergerakan keluar/masuk pelajar untuk menulis/melakar pada papan putih. Juga bagi memudahkan pergerakan pensyarah yang perlu bergerak ke seluruh kelas bagi memastikan proses P&P yang aktif secara keseluruhan. Dalam masa yang sama, tempoh P&P akan mengambil masa yang lebih lama berbanding kaedah penggunaan slaid semata-mata. Ini kerana lebih masa diperlukan untuk proses keluar/masuk pelajar, proses penulisan/pelakaran, proses pembetulan kesilapan yang bersifat *ad-hoc*, proses pemadaman dan juga proses pemahaman. Bagaimanapun, kaedah ini mampu 'memaksakan' pemahaman dengan kadar segera kepada para pelajar dalam slot yang berkenaan. Ini kerana tanpa pemahaman yang baik, pelajar yang berkenaan tidak mampu untuk menulis/melakar dengan sempurna pada papan putih berkenaan. Juga, bagi mengelakkan mereka dari di'bahan'kan seperti yang yang dituliskan di bahagian 5.3 (Modus Operandi – v).


#### 3.2 Kejayaan

Kaedah '*Pass the Marker!*' ini mula diperkenalkan bagi subjek Ekonomi Pengurusan. Subjek ini mempunyai komposisi 30% teori dan 70% pengiraan. Ianya berkaitan pengurusan sesebuah firma dari pandangan ekonomi. Di antara tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah analisa permintaan, anggaran permintaan, konsep kos, teori pengeluaran dan jenis-jenis pasaran. Berdasarkan keputusan peperiksaan, kaedah ini berjaya meningkatkan penguasaan pelajar dalam subjek dan mencatatkan kadar kegagalan hanya sekitar 2%, dalam tempoh tujuh semester subjek ini diajarkan penulis<sup>1</sup>. Kemuncak kepada kejayaan ini, apabila lakaran dan persamaan yang dituliskan pada papan putih dikompilasikan dalam sebuah peta

<sup>1</sup> Atas faktor-faktor kerahsiaan, keputusan peperiksaan akhir secara lengkap tidak boleh dipersembahkan di dalam kertas kerja ini. Apa yang dituliskan adalah terhad kepada penganalisan kegagalan secara umum bagi semester-semester yang berkenaan.



minda bersaiz A4 di Rajah 4. Peta minda ini seterusnya dipertandingkan dan berjaya membolot dua pingat di pertandingan inovasi. Sebutir pingat perak di *Invention, Innovation & Design Perak 2012* dan lagi sebutir pingat gangsa di *UiTM (Terengganu) Invention, Innovation & Design 2012*. Lebih manis lagi, kejayaan produk berbentuk peta minda ini merupakan hasil usaha bersama di antara penulis dengan lapan orang pelajar yang mengulang subjek ini. Bagi memastikan kelangsungan kejayaan ini, produk ini disebarkan secara percuma oleh penulis kepada para pelajar semasa yang sedang mengambil subjek. Ini supaya ianya diangkat sebagai amal jariah dan berkekalan sehingga alam abadi.



Rajah 4: Managerial Economics Mindmap (MEM)

Kaedah 'Pass the Marker!' ini turut diperkenalkan kepada subjek Ekonometrik, bersama-sama dengan konsep Ekono'Cinta'Metrik. Selain mencatatkan kadar kegagalan yang sangat rendah, kaedah ini berjaya melahirkan penyelidik muda di kalangan pelajar subjek ini. Jika di institusi pengajian lain, projek tahun akhir merupakan produk pembentangan di konferensi akademik, keadaan agak berbeza bagi subjek ini. Tugas kelas diangkat sebagai kertas kerja konferensi dan dibentangkan dengan penuh yakin oleh para pelajar ijazah sarjana muda. Topik-topik dipilih para pelajar sendiri lebih terbuka dan di luar bidang ekonomi. Di antaranya berkaitan indeks pembangunan manusia, faktor-faktor kemalangan, kadar pertumbuhan populasi, elemen pertanian mapan dan analisa punca perceraian. Ini berjaya dilakukan, berikutan keupayaan mereka menganalisa sendiri data mentah yang diberikan semasa di dalam kelas. Kesemuanya melibatkan data sekunder yang dipilih dan dianalisa sendiri oleh para pelajar. Pelajar meletakkan sendiri nombor-nombor yang mereka mahukan dan menyelesaikan semua pengiraan yang diperlukan, sebelum nilai akhir diperolehi. Nilai-nilai seperti *standard deviation*, *variance* dan  $R^2$  di Rajah 5, adalah nilai sama yang kita perolehi melalui butang-butang pada perisian SPSS, E-Views dll.

Y	X	STANDARD DEVIATION X (x-x)	VARIANCE X (x-x) <sup>2</sup>	STANDARD DEVIATION Y (y-ȳ)	VARIANCE Y = TOTAL VARIATION (y-ȳ) <sup>2</sup>	COVARIANCE (x-x)(y-ȳ)	ESTIMATED Y (ŷ) TOTAL VARIATION	EXPLAINED VARIATION (ŷ - ȳ) <sup>2</sup>	UNEXPLAINED VARIATION (y - ŷ) <sup>2</sup>
$R^2 = \frac{\text{total explained variation}}{\text{total variation}} = \frac{\sum (\hat{y} - \bar{y})^2}{\sum (y - \bar{y})^2}$									

Rajah 5: Contoh pengiraan dalam subjek ekonometrik

#### 4.0 KESIMPULAN DAN KAJIAN MASA HADAPAN

Selaku ahli akademik, kita seharusnya berlapang dada dalam menerima apa saja kaedah P&P. Dalam masa yang sama, perlu ada penambahbaikan berterusan dalam memastikan apa yang disampaikan dapat diterima semaksimum mungkin, berikutan tingkat pemahaman yang semakin tinggi. Justeru, kertas kerja ini mencadangkan kaedah *'Pass the Marker!'*, sebagai salah satu cabang pengajaran. Ianya berdasarkan kepada kaedah tradisional *'Chalk and Talk'* yang ditambahbaik bagi memastikan proses dua hala yang lebih efisien. Selain itu, kaedah ini menjimatkan kos kerana hanya melibatkan penggunaan *marker* dan papan putih. Modus operandinya juga bersifat santai dan mampu meningkatkan kadar konsentrasi pelajar berikutan mereka lebih berjaga-jaga dikhuatiri mendapat *marker* secara rawak dari rakan yang sebelumnya. Perlaksanaan kaedah ini juga terbukti kejayaannya berikutan berjaya menghasilkan kadar kegagalan yang terlalu kecil seiring masa. Lebih membanggakan, kejayaan pada peringkat yang lebih tinggi seperti kemenangan di pertandingan inovasi dan pembentangan kertas kerja di konferensi, adalah di antara bukti bahawa kaedah ini berjaya memberikan kefahaman yang lebih kepada para pelajar. Ini seterusnya membolehkan para pelajar melakukan sesuatu yang di luar kotak dan tidak terikat kepada ruangan kelas semata-mata.

Dalam masa yang sama, penambahbaikan perlu dilakukan terhadap proses pengkajian kejayaan kaedah ini. Buat setakat ini, hanya keputusan subjek sahaja yang diambil sebagai penanda aras utama kejayaan kaedah ini. Juga melalui kejayaan-kejayaan di bidang inovasi dan konferensi. Di masa hadapan, mungkin penyelidikan yang bersifat kuantitatif dan melibatkan penggunaan *likert scale* dapat digunakan dalam mengukur penerimaan para pelajar terhadap kaedah ini. Juga penyelidikan secara kualitatif yang mengukur secara lebih mendalam dan mampu memberikan input-input yang lebih relevan di masa hadapan.

#### RUJUKAN

Asari, F. F. A. H. (2017). Ekono'Cinta' Metrik: Bila cinta menyatukan kita (Econo'Love'Metrics: When love unites us). *Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)*, 1(1), 42-59.

Asari, F. F. A. H., & Saad, A. M. (2018). EkonoCinta: Biarkan cinta berbicara. Kertas kerja dibentangkan di 3rd International Conference on Business Management 2018, 7 – 8 Oktober 2018, Pulau Pinang.

Backhouse, R. E. (2012). Economics is a serious and difficult subject: Paper prepared for Conference at EIPE, Rotterdam, December 10-11, 2010. *Journal of Economic Methodology*, 19(3), 231-241.

D'Amato, D. S. (2017). Is economics a hard science? Diambil 20 Ogos 2018. <https://spectator.org/is-economics-a-hard-science/>

Frain, J. (1995). Econometrics and truth. *Journal of the Statistical and Social Inquiry Society of Ireland*, 27(2), 229–304.

Peng-Armao, J. (2014). Economics professor's passion for tough subject creates champs and changes Career paths. Diambil 20 Ogos 2018. <http://www.sanjac.edu/article/economics-professor%E2%80%99s-passion-tough-subject-creates-champs-and-changes-career-paths>